



19 Februari 2025  
19 February 2025  
P.U. (A) 67

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG AMANAH  
(PEMERBADANAN) 2025

*TRUSTEES (INCORPORATION) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952

PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21 Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 2025**.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “pemunya benefisial” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 44B Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*].

**Permohonan bagi perakuan pemerbadanan**

3. (1) Permohonan bagi perakuan pemerbadanan pemegang amanah sebagai pertubuhan perbadanan oleh pemegang amanah hendaklah dibuat kepada Menteri mengikut seksyen 4 Akta.

(2) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Menteri boleh, selepas menimbangkan permohonan bagi perakuan pemerbadanan—

(a) meluluskan permohonan itu secara bertulis dan mengeluarkan perakuan pemerbadanan kepada pemegang amanah itu; atau

(b) menolak permohonan itu secara bertulis.

(4) Perakuan pemerbadanan yang dikeluarkan di bawah perenggan (3)(a) adalah sah sehingga perakuan pemerbadanan itu dibatalkan di bawah seksyen 17 atau seksyen 18 Akta.

(5) Fi yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah kena dibayar bagi tiap-tiap permohonan yang dikemukakan dan tidak boleh dibayar balik.

**Permohonan bagi penukaran nama pertubuhan perbadanan**

4. (1) Permohonan bagi penukaran nama pertubuhan perbadanan oleh pemegang amanah hendaklah dibuat kepada Menteri dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan dokumen sokongan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Menteri boleh, selepas menimbangkan permohonan bagi penukaran nama pertubuhan perbadanan—

(a) meluluskan permohonan itu secara bertulis dan mengeluarkan perakuan pemerbadanan yang baharu dalam bentuk sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada pemegang amanah selepas perakuan pemerbadanan terdahulu dikembalikan oleh pemegang amanah kepada Menteri; atau

(b) menolak permohonan itu secara bertulis.

(4) Perakuan pemerbadanan baharu yang dikeluarkan di bawah perenggan (3)(a) adalah sah sehingga perakuan pemerbadanan baharu itu dibatalkan di bawah seksyen 17 atau seksyen 18 Akta.

(5) Fi yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah kena dibayar bagi tiap-tiap permohonan yang dikemukakan dan tidak boleh dibayar balik.

### **Daftar pemunya benefisial**

5. (1) Pemegang amanah hendaklah menyimpan dan menyenggara daftar pemunya benefisial yang mengandungi maklumat pemunya benefisial, sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik.

(2) Daftar pemunya benefisial hendaklah mengandungi butir-butir dalam perenggan 2B(1)(a), (b), (c) dan (d) Akta dan maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(3) Daftar pemunya benefisial hendaklah dikemas kini oleh pemegang amanah dari semasa ke semasa dan apa-apa perubahan butir-butir dan maklumat pemunya benefisial hendaklah dikemukakan kepada Menteri dalam masa empat belas hari daripada tarikh perubahan butir-butir atau maklumat itu.

### **Pemberitahuan kepada Menteri tentang pelantikan pemegang amanah yang baharu**

6. (1) Pemegang amanah hendaklah memberitahu Menteri tentang pelantikan tiap-tiap pemegang amanah yang baharu dalam masa satu bulan daripada tarikh pelantikan pemegang amanah yang baharu itu.

(2) Pemberitahuan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan dokumen sokongan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

### **Permohonan dan dokumen yang dihantar kepada Menteri**

7. (1) Pemegang amanah hendaklah memastikan bahawa semua permohonan dan dokumen yang dihantar kepada Menteri adalah teratur dan telah disempurnakan.

(2) Pemegang amanah hendaklah memastikan bahawa permohonan dan dokumen yang disebut dalam subperaturan (1) disimpan bagi tempoh lima tahun dari tarikh akhir permohonan atau dokumen dihantar kepada Menteri atau dari tarikh berkuatkuasanya pembatalan perakuan pemerbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Salinan yang diperakui perakuan pemerbadanan**

8. (1) Jika perakuan pemerbadanan hilang, musnah atau rosak, pemegang amanah boleh membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Menteri bagi salinan yang diperakui perakuan pemerbadanan dan hendaklah disertakan dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Menteri boleh mengeluarkan salinan yang diperakui perakuan pemerbadanan jika Menteri berpuas hati bahawa perakuan pemerbadanan yang asal telah hilang, musnah atau rosak.

**Salinan atau cabutan dokumen yang diperakui oleh Pendaftar**

9. Bagi maksud seksyen 8 Akta, Pendaftar boleh memperakui apa-apa salinan atau cabutan mana-mana dokumen yang dihantar kepada Menteri selepas pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

## JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 3(2), 4(2), 6(2) dan 8(1) dan peraturan 9]

## FI

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi (RM)
1.	Permohonan bagi perakuan pemerbadanan	100 bagi setiap permohonan
2.	Permohonan bagi penukaran nama pertubuhan perbadanan	50 bagi setiap permohonan
3.	Pemprosesan pemberitahuan kepada Menteri tentang pelantikan pemegang amanah yang baharu	50 bagi setiap pemberitahuan
4.	Permohonan salinan yang diperakui perakuan pemerbadanan	100 bagi setiap salinan
5.	Salinan atau cabutan dokumen yang dihantar kepada Menteri menurut seksyen 8 Akta yang diperakui	5 bagi setiap helaian

JADUAL KEDUA  
[Subperaturan 4(2)]

DOKUMEN SOKONGAN  
PERMOHONAN BAGI PENUKARAN NAMA PERTUBUHAN PERBADANAN

1. Justifikasi bagi penukaran nama pertubuhan perbadanan
2. Resolusi yang diluluskan bagi penukaran nama pertubuhan perbadanan oleh kumpulan atau persatuan orang, atau lembaga pemegang amanah
3. Surat ikatan amanah pertubuhan perbadanan yang berpinda
4. Apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri

JADUAL KETIGA  
[Perenggan 4(3)(a)]

PERAKUAN PEMERBADANAN BAGI  
PENUKARAN NAMA PERTUBUHAN PERBADANAN

**NOMBOR PENDAFTARAN:**

AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

Dalam perkara

..... (nama pertubuhan perbadanan yang baharu)

(dahulunya dikenali sebagai .....) (nama pertubuhan perbadanan yang terdahulu)

dan

..... (senarai nama pemegang amanah semasa)

(*Nombor Kad Pengenalan:* .....) )

Pemegang-Pemegang Amanah yang dilantik oleh

..... (nama pertubuhan perbadanan yang baharu)

dan

Dalam perkara

AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

**PERAKUAN PEMERBADANAN**

YANG BERHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI setelah menimbangkan butir-butir dalam permohonan bertarikh..... (tarikh penerimaan permohonan lengkap dikemukakan) dan instrumen bertarikh..... (tarikh instrumen), dengan ini memberikan perakuan pemerbadanan kepada pemegang amanah ..... (nama pertubuhan perbadanan yang baharu) yang didaftarkan pada .....

(.....)

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

JADUAL KEEMPAT  
[Subperaturan 5(2)]

MAKLUMAT UNTUK DICATAT DALAM DAFTAR PEMUNYA BENEFISIAL

1. Maklumat kewarganegaraan setiap pemunya benefisial
2. Alamat tempat tinggal setiap pemunya benefisial
3. Tarikh lahir dan tempat kelahiran setiap pemunya benefisial
4. Nombor kad pengenalan atau nombor pasport, mengikut mana-mana yang berkenaan, setiap pemunya benefisial
5. Maklumat berkenaan dengan cukai pendapatan setiap pemunya benefisial
6. Maklumat berkenaan dengan setiap penyedia perkhidmatan kepada pertubuhan perbadanan

JADUAL KELIMA  
[Subperaturan 6(2)]

DOKUMEN SOKONGAN BAGI PEMBERITAHUAN KEPADA MENTERI  
TENTANG PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH YANG BAHARU

1. Surat pemberitahuan yang ditandatangani oleh pemegang amanah
2. Surat pelantikan sebagai pemegang amanah yang baharu
3. Salinan kad pengenalan pemegang amanah
4. Carian kebankrapan

5. Apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri

Dibuat 19 Februari 2025

[BHEUU/06/(S)590 JLD.2 (31); PN(PU2)360]

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*  
*(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)*

TRUSTEES (INCORPORATION) ACT 1952

TRUSTEES (INCORPORATION) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 21 of the Trustees (Incorporation) Act 1952 [*Act 258*], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Trustees (Incorporation) Regulations 2025**.

**Interpretation**

2. In these Regulations, “beneficial owner” has the meaning assigned to it in section 44B of the Trustee Act 1949 [*Act 208*].

**Application for certificate of incorporation**

3. (1) An application for a certificate of incorporation of a trustee as a body corporate by a trustee shall be made to the Minister in accordance with section 4 of the Act.

(2) The application referred to in subregulation (1) shall be accompanied by the payment of fee as specified in the First Schedule.

(3) The Minister may, after considering the application for a certificate of incorporation—

(a) approve the application in writing and issue a certificate of incorporation to the trustee; or

(b) refuse the application in writing.

(4) A certificate of incorporation issued under paragraph (3)(a) shall be valid until the certificate of incorporation is revoked under section 17 or 18 of the Act.

(5) The fee referred to in subregulation (2) shall be payable for every application submitted and is non-refundable.

#### **Application for change of name of body corporate**

4. (1) An application for a change of name of the body corporate by a trustee shall be made to the Minister in the form and manner as may be determined by the Minister.

(2) The application referred to in subregulation (1) shall be accompanied by the payment of fee as specified in the First Schedule and the supporting documents as specified in the Second Schedule.

(3) The Minister may, after considering an application for a change of name of the body corporate—

(a) approve the application in writing and issue a new certificate of incorporation in the form as specified in the Third Schedule to the trustee upon the return of the previous certificate of incorporation by the trustee to the Minister; or

(b) refuse the application in writing.

(4) A new certificate of incorporation issued under paragraph (3)(a) shall be valid until the new certificate of incorporation is revoked under section 17 or 18 of the Act.

(5) The fee referred to in subregulation (2) shall be payable for every application submitted and is non-refundable.

#### **Register of beneficial owners**

5. (1) A trustee shall keep and maintain a register of beneficial owners containing the beneficial owners information, whether in physical or electronic form.

(2) The register of beneficial owner shall contain the particulars in paragraphs 2B(1)(a), (b), (c) and (d) of the Act and the information as specified in the Fourth Schedule.

(3) The register of beneficial owners shall be updated by the trustee from time to time and any changes to the particulars and information of the beneficial owners shall be submitted to the Minister within fourteen days from the date of the change of the particulars or information.

#### **Notification to Minister on appointment of new trustee**

6. (1) A trustee shall notify the Minister on the appointment of every new trustee within one month from the date of the appointment of the new trustee.

(2) The notification referred to in subregulation (1) shall be accompanied by the payment of fee as specified in the First Schedule and the supporting documents as specified in the Fifth Schedule.

#### **Applications and documents sent to Minister**

7. (1) A trustee shall ensure that all applications and documents sent to the Minister are in order and have been completed.

(2) A trustee shall ensure that the applications and documents referred to in subregulation (1) are kept for a period of five years from the last date the application or document sent to the Minister or from the date the revocation of the certificate of incorporation comes into force, as the case may be.

#### **Certified copy of certificate of incorporation**

8. (1) Where a certificate of incorporation is lost, destroyed or damaged, the trustee may make an application in writing to the Minister for a certified copy of the certificate of incorporation and shall be accompanied by the payment of fee as specified in the First Schedule.

(2) The Minister may issue a certified copy of the certificate of incorporation if the Minister is satisfied that the original certificate of incorporation is lost, destroyed or damaged.

**Copy or extract of documents certified by Registrar**

9. For the purposes of section 8 of the Act, the Registrar may certify any copy or extract of any documents sent to the Minister upon payment of fee as specified in the First Schedule.

## FIRST SCHEDULE

[Subregulations 3(2), 4(2), 6(2) and 8(1) and regulation 9]

## FEES

(1) No.	(2) Matter	(3) Fee (RM)
1.	Application for certificate of incorporation	100 for each application
2.	Application for change of name of body corporate	50 for each application
3.	Processing of notification to Minister on appointment of new trustee	50 for each notification
4.	Application for a certified copy of the certificate of incorporation	100 for each copy
5.	Certified copy or extract of documents sent to the Minister pursuant to section 8 of the Act	5 for each sheet

SECOND SCHEDULE

[Subregulation 4(2)]

SUPPORTING DOCUMENTS FOR  
APPLICATION OF CHANGE OF NAME OF BODY CORPORATE

1. The justification for a change of name of the body corporate
2. The approved resolution for the change of the name of the body corporate by the body or association of persons, or board of trustees
3. The amended trust deed of the body corporate
4. Any other documents as may be determined by the Minister

THIRD SCHEDULE

[Paragraph 4(3)(a)]

CERTIFICATE OF INCORPORATION FOR  
CHANGE OF NAME OF BODY CORPORATE

<b>REGISTRATION NUMBER:</b>
-----------------------------

THE TRUSTEES (INCORPORATION) ACT 1952 [ACT 258]

In the matter of

..... (new name of the body corporate)

(formally known as .....) (former name of the body corporate)

and

..... (list of names of the current trustees)

(Identity Card Number: .....) )

Trustees appointed by

..... (new name of the body corporate)

and

In the matter of

TRUSTEES (INCORPORATION) ACT 1952 [ACT 258]

**CERTIFICATE OF INCORPORATION**

THE HONOURABLE MINISTER IN THE PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
having considered the particulars in the application dated .....  
(date of receipt for the completed application) and the instrument dated  
..... (date of instrument), do hereby grant the certificate of  
incorporation to the trustees of ..... (new name of the  
body corporate) registered on .....

(.....)

MINISTER IN THE PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

(LAW AND INSTITUTIONAL REFORMS)

FOURTH SCHEDULE

[Subregulation 5(2)]

INFORMATION TO BE ENTERED INTO THE REGISTER OF BENEFICIAL OWNERS

1. The citizenship of each beneficial owner
2. The address of each beneficial owner
3. The date of birth and place of birth of each beneficial owner
4. The identification card number or passport number, as the case may be, of each beneficial owner
5. The information in respect of the income tax of each beneficial owner
6. The information in respect of the service provider to the body corporate

FIFTH SCHEDULE

[Subregulation 6(2)]

SUPPORTING DOCUMENTS FOR NOTIFICATION TO MINISTER  
ON APPOINTMENT OF NEW TRUSTEE

1. The letter of notification signed by the trustee
2. The letter of appointment as a new trustee
3. A copy of trustee's identification card
4. Bankruptcy search
5. Any other documents as may be determined by the Minister

Made 19 February 2025  
[BHEUU/06/(S)590 JLD.2 (31); PN(PU2)360]

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN  
*Minister in the Prime Minister's Department*  
*(Law and Institutional Reforms)*